

C) PERKARA-PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN PENGUATKUASAAN AKTA PT&K 2016

1. Saya dimaklumkan bahawa pihak KKM menganjurkan Taklimat Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 [Akta 775] serta Kewajipan Pengamal Berdaftar. Apakah tujuan taklimat tersebut?

Pelaksanaan taklimat ini adalah sebagai langkah awal untuk memastikan pengamal PT&K memahami peruntukan akta sebelum penguatkuasaan sepenuhnya. Kehadiran ke taklimat tersebut telah diwajibkan sebagai salah satu syarat untuk berdaftar sebagai pengamal di bawah Akta PT&K 2016 apabila proses pendaftaran dimulakan pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Objektif Taklimat:

- a) Meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengamal terhadap Akta PT&K 2016,
- b) Menekankan tanggungjawab dan kewajipan sebagai seorang pengamal berdaftar dibawah Akta PT&K 2016,
- c) Meningkatkan kesedaran terhadap hak pesakit, syarat dan jaminan tersirat dari segi kualiti pengubatan dan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan oleh pengamal PT&K,
- d) Memahami larangan-larangan terhadap seorang pengamal PT&K yang berdaftar,
- e) Memahami kesan dan hukuman sekiranya disabit kesalahan atau melanggar peruntukan tertentu apabila akta dikuatkuasakan dengan sepenuhnya,
- f) Menyedari peruntukan akta-akta lain yang berkaitan yang perlu dipatuhi semasa mengamalkan amalan PT&K.

Kumpulan sasaran:

- i) Pengamal PT&K yang mengamal di dalam bidang amalan yang diiktiraf.
- ii) Pengamal yang mengamal di dalam bidang amalan yang belum diiktiraf digalakkan menghadiri taklimat ini untuk mendapatkan pendedahan kepada keperluan Akta PT&K 2016 serta larangan-larangan terhadap seseorang pengamal.

Takwim penganjuran taklimat ini akan dikemaskini di laman sesawang BPTK, KKM (<http://tcm.moh.gov.my>) dari semasa ke semasa. Peserta yang hadir dan menjawab soal selidik di penghujung taklimat akan diberi Sijil Penyertaan Taklimat Akta PT&K 2016 serta Kewajipan Pengamal Berdaftar. **Pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf perlu mengemukakan Sijil Penyertaan ini sebagai salah satu kriteria pendaftaran apabila proses pendaftaran pengamal dimulakan.**

2. Apakah pendekatan yang diambil oleh KKM dalam pengawalseliaan amalan pengubatan Islam?

Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) telah bersetuju untuk meneruskan kerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam penubuhan **Lajnah Pengawalseliaan Amalan Pengubatan Islam (LAJPPI)**. Kerjasama pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/ Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) akan turut dipohon untuk membantu mengawalselia amalan pengubatan Islam.

LAJPPI berfungsi untuk membantu Majlis PT&K, KKM dalam melaksanakan proses pendaftaran, pemantauan dan penguatkuasaan ke atas amalan dan pengamal pengubatan Islam di Malaysia.

3. Apakah antara usaha KKM dalam memartabatkan pendidikan PT&K di Malaysia?

Satu Jawatankuasa Teknikal Bersama akan ditubuhkan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] untuk membuat penilaian akreditasi program pengajian PT&K dengan kerjasama di antara badan profesional, badan jaminan kualiti dan pihak berkepentingan yang lain demi memastikan program pengajian PT&K yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi di Malaysia adalah berkualiti.

4. Apakah status pembangunan *National Occupational Skill Standard (NOSS)* dalam bidang amalan PT&K di Malaysia?

Majlis PT&K tiada halangan untuk mana-mana pihak berkepentingan yang berminat untuk membuat permohonan kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia untuk pembangunan NOSS dalam bidang amalan PT&K sama ada yang diiktiraf atau tidak diiktiraf.

Namun demikian, **pembangunan sesuatu NOSS tidak menjamin pengiktirafan bidang amalan tersebut ataupun diterima sebagai kriteria pendaftaran sebagai pengamal di bawah Akta PT&K 2016.**